



SEMINAR ULAMA': WARISAN PERMATA ILMU IMAM AN-NAWAWI R.A.

**PENGUASAAN DAN SUMBANGAN IMAM AN-
NAWAWI R.A. DALAM BIDANG HADITH SERTA
HASIL PENULISANNYA KITAB AL-AZKAR**

OLEH: USTAZ KHAIRUL AZMI BIN ISMAIL

IMAM AL NAWAWI & SUMBANGANNYA DALAM BIDANG HADITH

- ▶ Imam al-Nawawi merupakan seorang tokoh yang sudah dikenali umum. Cuma ramai yang hanya mengenalinya sebagai tokoh di bidang feqh sahaja. Sebenarnya beliau merupakan tokoh yang pakar di dalam pelbagai disiplin ilmu, di antaranya feqh, hadith tasawuf, lughah dan lain-lain.
- ▶ Di dalam kertas kerja ini saya ingin membuat sedikit pendedahan berkaitan dengan kedudukan dan sumbangan beliau di bidang hadith.

KEDUDUKAN BELIAU DI BIDANG HADITH

- ▶ Imam al-Zahabi berkata: “Beliau adalah penghulu kepada ahli hadith. Beliau adalah seorang hafiz bagi hadith dan selok-beloknya, mengetahui rijal (perawinya) dan sahih atau tidaknya”.
- ▶ Ibn ‘Atthor berkata: “Beliau seorang hafiz bagi hadith-hadith Rasulullah saw, mengetahui semua bahagian-bahagian hadith samada sahih atau tidak sahih, mengetahui ‘gharib hadith’ (perkataan yang ganjil dan jarang digunakan di dalam hadith) dan mengetahui makna hadith yang sebenar dan hukum yang diambil darinya. Apa yang dibincangkan oleh al-Nawawi berkaitan ilmu hadith sudah cukup menunjukkan kepakaran beliau di bidang ini.”

GURU-GURU BELIAU DI BIDANG HADITH

- ▶ Al-Imam al-Hafiz Ibrahim bin Isa al-Muradi al-Andalusi al-Misri (w668). Beliau berguru dengannya selama lebih kurang sepuluh tahun.
- ▶ Abu Ishaq Ibrahim bin Abu Hafs al-Wasiti. Beliau mempelajari sahih Muslim darinya.
- ▶ Al-Imam al-Hafiz Zainuddin Abu al-Baqa' Khalid bin Yusuf al-Nabulsi. (w663)
- ▶ Al-Radhi bin Burhan
- ▶ Syaikh al-Syuyukh 'Abdul 'Aziz bin Muhammad bin 'Abdul Muhsin al-Hamawi al-Syafei (w 662)
- ▶ Zainuddin Abu al-Abbas bin 'Abdul Daim al-Maqdisi
- ▶ Al-Muhaddith Abu al-Faraj 'Abdul Rahman bin Abu 'Umar al-Maqdisi. (w 682). Beliau merupakan gurunya yang utama.

GURU-GURU BELIAU DI BIDANG HADITH

- ▶ Qadhi al-Qudhah 'Imaduddin Abu al-Fadhail 'Abdul Karim bin 'Abdul Samad al-Harastani (w 662)
- ▶ Al-Muhaddith al-Kabir Taqiyuddin Abu Muhammad Ismail bin Abu Ishaq al-Tunukhi (w 672)
- ▶ Jamaluddin Abu Zakaria Yahya bin Abu al-Fath al-Sairafi al-Harrani
- ▶ Abu al-Fadh Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Bakri al-Hafiz
- ▶ Al-Diya' bin Tamam al-Hanafi
- ▶ Al-Mufti Jamluddin 'Abdul Rahman bin Salim al-Anbari al-Dimasyqy al-Hanbali (w 661)
- ▶ Syamsuddin bin Abu 'Amru.
- ▶ Dan lain-lain.

KITAB-KITAB HADITH DAN ILMU HADITH YANG DIPELAJARI OLEH AN NAWAWI

- ▶ Sahih al-Bukhari
- ▶ Sahih Muslim
- ▶ Sunan Abu Dawud
- ▶ Sunan al-Tirmizi
- ▶ Sunan al-Nasaie
- ▶ Muwattho' Malik
- ▶ Musnad al-Syafei
- ▶ Musnad Ahmad
- ▶ Musnad al-Darimi
- ▶ Musnad Abu 'Awanah
- ▶ Musnad Abu Ya'la al-Mausili

KITAB-KITAB HADITH DAN ILMU HADITH YANG DIPELAJARI OLEH AN NAWAWI

- ▶ Sunan Ibn Majah
- ▶ Sunan al-Dara Quthni
- ▶ Sunan al-Baihaqi
- ▶ Syarh al-Sunnah al-Baghawi
- ▶ 'Amal al-Yaum Wa al-Lailah Ibn al-Sunni
- ▶ Adab al-Sami' Wa al-Rawi al-Khatib
- ▶ Al-Kamal fi Asma' al-Rijal, Abd Ghani al-Nabulsi
- ▶ Ulum al-Hadith, Ibn Solah
- ▶ Al-Jam' Baina al-Sahihain, al-Humaidi
- ▶ Juzuk-juzuk hadith

ANAK-ANAK MURID BELIAU DI BIDANG HADITH

- ▶ Al-Mizzi
- ▶ Ibn al-'Attar
- ▶ Abu al-'Abbas Ahmad bin Farah al-Asybili
- ▶ Al-Rasyid Ismail bin al-Muallim al-Hanafi
- ▶ Dan lain-lainnya.



KITAB-KITAB KARANGAN BELIAU DI BIDANG HADITH

SYARH SAHIH MUSLIM (AL-MINHAJ FI SYARH SAHIH MUSLIM IBN AL-HAJJAJ)

- ▶ Merupakan syarah yang ringkas terhadap sahih Muslim dengan menerangkan tentang perbahasan lughah hadith (bahasa), rijal (perawi), dhabt (baris), feqh al-hadith serta nukilan pandangan ulama mujtahid berkaitan hadith.
- ▶ Kitab ini mengandungi 18 juzuk.

SYARH SAHIH AL-BUKHARI

- ▶ Merupakan syarah ringkas terhadap sahih al-Bukhari, tetapi beliau meninggal dunia sebelum sempat menyiapkannya. Beliau hanya sempat menulis sehingga bab terakhir di dalam kitab al-Iman sahaja iaitu bab agama itu adalah nasihat.

SYARH SUNAN ABU DAWUD.

- ▶ Beliau hanya sempat mensyarahkannya sedikit sahaja.

RIYADUS SOLIHIN

- ▶ Merupakan kitab yang menghimpunkan hadith-hadith sahih berkaitan dengan perintah-perintah dan larangan-larangan (al-Targhib wa al-Tarhib), adab-adab dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hati. Sebahagian bab dimulakan dengan ayat Al-Quran, dan sebahagian kalimah-kalimah yang ganjil diterangkan maksudnya. Kitab ini hanya memuatkan hadith sahih dan hasan sahaja. Di antara syarahnya yang masyhur ialah 'Dalil al-Falihin' karangan Imam Ibn 'Allan dan terkini 'Nuzhah al-Muttaqin' karangan Dr al-Bugha dan rakan-rakannya. Kitab ini mengandungi hampir 1898 hadith menurut kiraan di dalam kitab 'nuzhah al-Muttaqin'.

AL-ARBAIN

- ▶ Merupakan himpunan 42 hadith asas di dalam agama dan merupakan kitab himpunan 40 hadith yang paling popular.

MUKHTASAR USD AL-GHABAH

- ▶ Merupakan ringkasan dari kitab usd al-ghabah berkaitan dengan pengenalan sahabat.

IRSYAD TULLAB AL HAQAIQ ILA MA'RIFATI SUNAN KHAIR AL- KHALAIQ

- ▶ Kitab ini merupakan ringkasan dari kitab Ulum al-Hadith karangan Imam Ibn al-Solah.

AL-TAQRIB WA AL-TAISIR FI MA'RIFATI SUNAN AL-BASYIR AL- NAZIR

- ▶ Kitab ini merupakan ringkasan dari kitab al-Irsyad. Ia merupakan satu kitab yang ringkas lagi padat dan kitab ini sentiasa diguna pakai sejak zaman pengarang sehingga kini. Ia disyarahkan oleh Imam Suyuti yang menamakan syarah tersebut dengan Tadrib al-Rawi.

PERBINCANGAN HADITH DI DALAM KITAB-KITAB FEQH

- ▶ Imam al-Nawawi juga membicarakan tentang hadith, istinbat darinya dan statusnya di dalam kitab feqhnya seperti al-Majmuk.

AL AZKAR (HILYATUL AL-ABRAR WA SYI'AR AL-AKHYAR)

- ▶ Merupakan kitab yang menghimpunkan wirid-wirid dan zikir-zikir dengan susunan dan uslub yang mudah, sesuai untuk semua lapisan masyarakat.
- ▶ Kitab ini mengandungi hadith-hadith sahih, hasan dan dhaif.
- ▶ Hadith dhaif kebanyakannya dinyatakan status oleh beliau sendiri.
- ▶ Imam al-Nawawi memasukkan juga hadith dhaif kerana ia boleh diamalkan di dalam bab 'fadhail' (kelebihan-kelebihan) menurut kebanyakan ulama, bahkan beliau menyatakan bahawa sepakat ulama membenarkannya.
- ▶ Imam al-Nawawi memasukkan juga sedikit perbincangan feqh dan adab-adab.
- ▶ Beliau menukilkan juga sebahagian kenyataan-kenyataan ahli tasawuf yang ada kaitan dengan hadith dan lain-lainnya.
- ▶ Ia merupakan kitab yang paling mendapat sambutan berkaitan dengan wirid dan zikir-zikir berbanding dengan kitab-kitab yang dikarang oleh tokoh ulama yang lain.
- ▶ Pentingnya kitab ini sehinggakan ada ulama yang menyebut "Juallah rumah untuk dapatkan kitab al-Azkar".
- ▶ Mengandungi 1090 buah hadith menurut perkiraan guru kami Dr Muhyiddin Mistu.

ISI KANDUNGAN KITAB AL AZKAR

- ▶ Bab Ikhlas, zikir ketika wudhuk, azan, zikir ketika hendak tidur, tilawah Al-Quran, pujian kepada Allah swt, doa ketika ditimpa kesusahan dan penyakit, doa sakit dan kematian, doa untuk orang meninggal dunia, zikir-zikir di dalam solat tertentu, zikir-zikir puasa, zikir-zikir haji, zikir-zikir jihad, zikir-zikir musafir, zikir makan dan minum, bab salam meminta izin menjawab orang yang bersin dan lain-lain, zikir nikah, bab nama-nama, jenis-jenis zikir, bab menjaga lidah, doa-doa umum dan bab istighfar.

PENUTUP

- ▶ Semoga penjelasan ringkas ini dapat memberi gambaran kepada kita bahawa Imam al-Nawawi juga merupakan tokoh yang besar di dalam ilmu hadith samada ilmu hadith dirayah dan riwayat.